



## SYARAT AM PERTANDINGAN MUT IJTIHAD 2020

### 1. AM

- 1.1 Peraturan ini diterima pakai untuk Pertandingan Mut Ijtihad 2020 anjuran International Fatwa and Halal Centre (iFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- 1.2 Pertandingan Mut Ijtihad 2020 ini adalah berdasarkan sistem Debat ala Presiden.
- 1.3 Tafsiran peraturan ini adalah hak mutlak Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan.
- 1.4 Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan mempunyai hak mutlak untuk meminda sebarang peraturan sebelum permulaan pertandingan sebagaimana difikirkan patut dan / munasabah oleh jawatankuasa.

### 2. TAFSIRAN

- 2.1 'Ketua Hakim' dan 'Panel Hakim' bermaksud individu yang dilantik oleh pihak penganjur untuk memegang jawatan-jawatan tersebut.
- 2.2 'Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan' adalah individu yang dilantik oleh pihak penganjur.
- 2.3 'Jemaah Tertinggi Kehakiman' adalah individu-individu yang dilantik oleh pihak penganjur untuk memegang jawatan-jawatan tersebut.

### 3. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 3.1 Penyertaan dibuka terhadap kepada (4) atau (8) atau (16) pasukan sahaja. Mana-mana pasukan yang memberi maklumbalas pengesahan mendaftar awal adalah menjadi keutamaan untuk menyertai pertandingan ini.
- 3.2 Institut Pengajian Tinggi / Institut Perguruan/ Sekolah **tidak dihadkan** untuk menghantar berapa pasukan atau wakil.
- 3.3 Bagi pertandingan ini akan dijalankan secara **Debat ala Presiden**. Hanya seorang pendebat dan seorang wakil pendebat (rujuk sesi dan struktur perdebatan) akan mewakili pasukan masing-masing. Setiap pasukan juga perlu mempunyai seorang jurulatih/pengiring dan seorang wakil simpanan.
- 3.4 Peserta debat hendaklah sentiasa berpakaian menutup aurat dan kemas semasa pertandingan. **Casual smart** adalah dibenarkan.

3.5 Peserta tidak dibenarkan menunjukkan aksi yang kurang sopan seperti mengeluarkan kata-kata lucah atau kasarketika perdebatan.

3.6 Pertandingan Mut Ijtihad 2020 ini adalah pertandingan debat fiqh. Oleh itu, peserta **DIWAJIBKAN** menggunakan ayat-ayat Al-Quran, hadis, kaedah usul fiqh, kaedah fiqh dan lain-lain sumber akademik agama atau selainnya untuk tujuan berhujah atau menguatkan hujah.

3.7 Peserta tidak dibenarkan menyentuh peribadi seseorang atau isu perkauman, keagamaan, kebudayaan dan isu sensitif semasa. Walaubagaimanapun, bagi maksud memberi kritikan membina adalah dibenarkan.

#### 4. SISTEM PERTANDINGAN

4.1 Pertandingan Mut Ijtihad menggunakan sistem **liga**. Sistem ini akan digunakan untuk menentukan pendebat yang akan berlawanan dan juga peranan mereka (pencadang / pembangkang).

4.2 Walaubagaimanapun, pihak Penganjur atau Ketua Hakim atas budibicara atau faktor-faktor yang dikira munasabah boleh untuk mengubah sistem pertandingan untuk kebaikan keseluruhan pegurusan pertandingan

4.3 Kriteria-kriteria yang akan diambil kira untuk menentukan kedudukan pasukan/pendebat adalah seperti berikut:

- a) Menang/kalah
- b) Juri
- c) Margin
- d) Markah

4.4 Sebanyak 8 kumpulan akan dibahagikan kepada dua liga. Setiap kumpulan akan bergilir-gilir berlawanan dengan kumpulan yang lain dalam liganya sahaja. Sebanyak 3 pusingan saringan di peringkat liga akan dijalankan.

4.5 Pembahagian liga dan kumpulan adalah seperti berikut:

<u>LIGA A</u>	<u>LIGA B</u>
Kumpulan 1	Kumpulan 5
Kumpulan 2	Kumpulan 6
Kumpulan 3	Kumpulan 7
Kumpulan 4	Kumpulan 8


4.6 Perlawanan saringan diperingkat liga akan berjalan seperti berikut:

	LIGA A	LIGA B
Pusingan 1	1 vs 2 3 vs 4	5 vs 6 7 vs 8

Pusingan 2	2 vs 3 1 vs 4	6 vs 7 5 vs 8
Pusingan 3	1 vs 3 2 vs 4	5 vs 7 6 vs 8

4.7 Pertandingan separuh akhir akan dijalankan mengikut sistem kalah mati. Dua pasukan dengan markah tertinggi daripada setiap liga akan mara ke pusingan separuh akhir.

4.8 Jadual perlawanan separuh akhir seperti berikut:



## 5. MASA PERSEDIAAN

Usul perdebatan akan diedarkan terlebih dahulu kepada para peserta. Pada hari pertandingan, para peserta akan diberi masa (30) minit sebagai tempoh persediaan yang akan dikuarantinkan. Sebarang masa ke bilik adalah termasuk dalam (30) minit berkenaan.

5.1 Peserta akan dikuarantinkan dalam bilik yang disediakan dan akan dipantau oleh pihak urusetia.

5.2 Bagi kategori Debat Ala Preseiden ini, hanya pendebat dan wakil pendebat sahaja yang dibenarkan berada dalam bilik kuarantin.

5.3 Penggunaan sebarang teknologi komunikasi seperti telefon bimbit, dan lain-lain adalah **DILARANG KERAS** sewaktu tempoh kuarantin. Walaubagaimanapun, peranti, alat atau peralatan yang digunakan untuk capaian internet bagi maksud mencari maklumat adalah dibenarkan.

5.4 Mana-mana pasukan yang gagal untuk menghadirkan diri selepas (15) minit daripada masa permulaan perdebatan akan dikira kalah.

## 6. STRUKTUR PERTANDINGAN MUT IJTIHAD

6.1 Terdapat (5) sesi dalam perdebatan Ala presiden yang diperkenalkan.

### a) Sesi Pertama (7 minit)

#### Pengenalan Usul Debat

- Pendebat menyampaikan penghujahan substantif.
- Dimulai pihak pencadang. Pengenalan usul adalah seperti struktur debat ala parlimen (seperti literal, konsep, pencirian, kayu ukur, beban bukti dan sebagainya yang dikira perlu).
- Sesi pertama, pendebat perlu mengemukakan sekurang-kurangnya 1 hujah dan 2 fakta isu atau contoh.
- Tiada had hujahan dan contoh.
- Hanya (1) izin laluan dibenarkan.

### b) Sesi Kedua (6 minit)

#### Debat Terbuka

- Konsep perdebatan adalah seperti konsep berbalas pantun.
- Setelah membidas, penghujah **DIWAJIBKAN** untuk membawa satu fakta baru.
- Dimulakan dengan pihak yang menyokong usul dan diakhiri dengan pihak yang membangkang usul.
- Setiap pendebat diberikan masa selama (90) saat untuk menjawab ataupun membidas dan mengemukakan fakta baru dalam sesi ini.
- Setiap pendebat mempunyai (2) peluang sahaja.
- Keseluruhan masa sesi ini adalah (6) minit.

### c) Sesi Ketiga (3 minit)

#### Sesi Pertanyaan Wakil Lawan

- Pertanyaan soalan dimulai pembangkang.
- Pertanyaan hendaklah dalam jangka masa (45) saat.
- Pendebat hendaklah menjawab soalan dalam jangka masa (3) minit.
- Skop soalan perlulah berdasarkan kebertanggungjawaban terhadap isi dan/atau pembawaan pendebat lawan. Kualiti soalan juga bergantung kepada strategi pertanyaan.



**d) Sesi keempat (3 minit)**

**Sesi Pertanyaan Oleh Ketua Hakim / Panel Hakim Dan / Atau Moderator**

- Ketua hakim / panel hakim dan / atau moderator bertanyakan hanya satu soalan kepada kedua-dua pendebat. Pertanyaan tidak melebihi 45 saat.
- Soalan dikemukakan kepada pencadang terlebih dahulu. Pendebat diberi 3 minit untuk menjawab soalan tersebut.
- Skop soalan perlulah berdasarkan kebertanggungjawaban terhadap isi dan/atau pembawaan pendebat lawan.

**e) Sesi kelima (4 minit)**

**Sesi Pergulungan**

- Dimulai pihak pembangkang.
- Masa persediaan boleh diberikan selama **3 minit** sahaja boleh diberikan atas budi bicara Ketua hakim / panel hakim dan / atau moderator.
- Struktur pergulungan adalah sepertimana pergulungan biasa dalam debat ala parlimen.

**7. ISYARAT LOCENG**

7.1 Loceng akan dibunyikan sebanyak (1) kali pada minit pertama. Loceng satu minit terakhir juga akan diberikan pada 1 minit terakhir.

7.2 Loceng akan dibunyikan (2) kali apabila masa tamat.

7.3 Pendebat yang melebihi (30) saat daripada masa sebenar boleh dikenakan amaran oleh hakim.

**8. PERANAN**

8.1 Pencadang/kerajaan perlu mendefinisikan usul, memberi hujah/kes yang menyokong usul dan membidas cabaran yang dilakukan oleh pembangkang.

8.2 Penentang perlu menjawab defenisi yang dikemukakan oleh pencadang samada untuk menerima atau menolak. Pindaan tidak dibenarkan. Pembangkang juga perlu mengeluarkan hujah/kes.



## 9. PENGHAKIMAN

9.1 Setiap perdebatan akan dihakimi oleh panel hakim yang bilangannya mestilah ganjil.

9.2 Hakim yang bertindak sebagai moderator bertanggungjawab menjemput pendebat berucap serta mengawal ketertiban perdebatan. Pada mana-mana masa yang sesuai, moderator boleh menegur mana-mana pendebat yang cuai dan/atau gagal untuk memenuhi keperluan pertandingan.

9.3 Para hakim mestilah:

- a) Mencapai keputusan menang/kalah. Seri tidak dibenarkan.
- b) Tidak mencelah atau memberi komen sewaktu pendebat sedang berucap.
- c) Tidak mempunyai apa-apa sentimen kepada mana-mana pasukan yang dihakimi.

9.4 Hakim tidak boleh berbincang dalam menentukan keputusan.

9.5 Keputusan kemenangan berdasarkan undian majoriti.

9.6 Hakim hendaklah berlaku adil dalam menilai kesahihan fakta, penghujahan yang rasional dan gaya perdebatan. **Keputusan tidak boleh dipengaruhi** oleh ilmu pengetahuan yang ada pada hakim.

9.7 Keputusan hakim adalah muktamad dan markah yang dicatatkan oleh hakim adalah sulit dan rahsia.

## 10. PEMARKAHAN

### Sesi 1 (Penghujahan substantif)

Isi	20 markah
Gaya	15 markah
Bahasa	5 markah

### Sesi 2 (Debat Terbuka)

Isi	20 markah
Gaya	15 markah
Bahasa	5 markah

### Sesi 3 (Soalan Wakil)

Isi	20 markah
Gaya	15 markah
Bahasa	5 markah



**Sesi 4** (Soalan hakim)

Isi	20 markah
Gaya	15 markah
Bahasa	5 markah

**Sesi 5** (Pergulungan)


Isi	20 markah
Gaya	15 markah
Bahasa	5 markah

10.1 Markah keseluruhan adalah berjumlah 200 markah. Setiap hakim hendaklah membuat kira-kira dengan mendapat jumlah peratusan per seratus.

**11. BANTAHAN / PEMBETULAN**

- 11.1 Sebarang bantahan perlulah dikemukakan secara bertulis kepada jawatankuasa penghakiman **(10) minit** selepas keputusan rasmi diumumkan.
- 11.2 Bantahan akan disiasat dan dipertimbangkan oleh jawatkuasa penghakiman. Keputusan bantahan dibincangkan oleh Jemaah Tertinggi Kehakiman secara rahsia dan tertutup dengan memanggil mana-mana pihak yang dirasakan perlu dan munasabah. Setiap keputusan akan ditentukan mengikut bilangan majaoriti Jemaah Tertinggi Kehakiman dan keputusan Jemaah adalah muktamad. Tiada rungutan dan surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 11.3 Pembetulan kepada apa-apa kesilapan hanya boleh dilakukan selepas keputusan secara rasmi diumumkan dalam masa **(10) minit**.
- 11.4 Pihak jawatankuasa akan menyemak semula kertas keputusan hakim. Mana-mana pihak boleh dipanggil untuk diberi penjelasan dengan disaksikan ketua hakim atau mana-mana ahlijawatankuasa yang dilantik.
- 11.5 Jika pembetulan atau bantahan dibuat selepas (10) minit keputusan rasmi diumumkan, **TIDAK AKAN DILAYAN**.

## 12. PELAN KEDUDUKAN DEWAN PERSIDANGAN



## 13. KEPUTUSAN

- 13.1 Ketua Hakim akan mengumumkan pendebat yang menang. Setiap hakim hendaklah mengemukakan alasan penghakiman serta ulasan bagi keputusan tersebut.
- 13.2 Keputusan hakim dan / atau panel hakim adalah muktamad dan markah-markah yang dicatatkan oleh mereka adalah sulit.

### Disediakan oleh:

Pengerusi Jawatankuasa  
Pertandingan Mut Ijtihad 2020